

**MODEL KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI
BERASASKAN IHSAN KENDIRI, SOKONGAN
SOSIAL DAN KESEJAHTERAAN SPIRITUAL
DALAM KONTEKS GURU PENDIDIKAN KHAS
MASALAH PEMBELAJARAN**

SALINA BINTI MOKHTAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**MODEL KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI
BERASASKAN IHSAN KENDIRI, SOKONGAN
SOSIAL DAN KESEJAHTERAAN SPIRITUAL
DALAM KONTEKS GURU PENDIDIKAN KHAS
MASALAH PEMBELAJARAN**

oleh

SALINA BINTI MOKHTAR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2018

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHANI

Segala puji bagi Allah Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W., keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Alhamdulillah kerana dengan izinNya kajian ini dapat disiapkan dalam tempuh yang sepatutnya berkat daripada pertolongan Allah S.W.T. Pertamanya saya mengucapkan syukur kerana diberikan peluang menyambung pengajian di peringkat PhD di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ucapan penghargaan ditujukan khas kepada penyelia saya, Dr. Rahimi binti Che Aman yang begitu banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan motivasi sehinggalah saya berjaya menyiapkan kajian ini dan juga kepada Dr. Mohd Zuri bin Ghani selaku penyelia bersama yang turut memberi sokongan dan bantuan kepada saya.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga diberikan kepada pakar-pakar rujuk yang sentiasa sudi menyalurkan sumbangan ilmu dan cetusan idea yang bernilai iaitu Profesor Dr. Ramayah Thurasamy (USM), Profesor Dr. Nordin bin Abd Razak (USM), Dr. Ahmad Zamri bin Khairani (USM), Dr. Ramlan bin Mustapha (IPGK Lipis), Dr. Mohd Sobhi bin Ishak (UUM) dan Dr. Hafaz bin Ngah (UMT). Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh kalian semua telah memberi suntikan semangat agar saya tidak putus asa terutamanya membantu sepanjang proses penganalisan data melalui analisis deskriptif (SPSS) dan inferensi menggunakan *Smart PLS SEM* yang agak kompleks dan sukar.

Tidak dilupakan penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang membantu melicinkan segala urusan yang berkaitan dengan kajian ini iaitu semua pensyarah dan kakitangan di PPIP USM, EPRD KPM, JPN Pulau Pinang, Kedah dan Perlis serta

sekolah-sekolah yang terbabit dengan kajian ini. Tidak dilupakan para GPKMP yang terlibat sebagai sampel kajian dan membantu dalam proses kutipan data. Tanpa mereka kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan sempurna. Buat rakan-rakan seperjuangan Dr. Rohaida binti Bakar, Dr. Mahaya binti Saleh, Dr. Rohani binti Che Hashim, Dr. Nik Noor Khairulnisa binti Nik Hassan, Teo Lai Yong, Haslina binti Hashim, Shahrizad binti Shahabudin dan semua rakan yang lain. Terima kasih diucapkan atas sokongan dan semangat yang diberikan kepada saya agar kekal kuat dan cekal dalam meneruskan perjuangan menyiapkan kajian ini. Semoga ukhuwwah yang terjalin sentiasa dalam peliharaan dan kasih sayang Allah S.W.T hendakNya.

Akhir sekali, buat insan teristimewa, suami tercinta lagi disayangi Hasni bin Arsad yang amat memahami suka duka, susah senang dan sentiasa memberikan kekuatan dan inspirasi sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan buat anak-anak permata hati dunia akhirat Ameerah Husna Syafiqah binti Hasni, Ameer Syahir Hafidzi bin Hasni, Ameerah Hanim Syuhada binti Hasni dan Ameer Syafiq Hakimi bin Hasni yang menjadi penyejuk mata dan penenang jiwa di kala hati resah serta gusar sepanjang melalui kesukaran dan kepayahan menyelesaikan kajian ini. Mohon ampun dan maaf kiranya terdapat kekurangan dan kelemahan sebagai isteri dan ibu selama tempoh pengajian ini. Segala kesabaran dan pengorbanan kalian sangat dihargai dan semoga kita semua sentiasa dalam redha Ilahi. Sekian, WaAllahua'lam.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT	xx
BAB SATU-PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Kajian Tinjauan Awal	6
1.4 Penyataan Masalah	9
1.5 Tujuan Kajian	15
1.6 Objektif Kajian	15
1.7 Soalan Kajian	16
1.8 Hipotesis Kajian	17
1.9 Kepentingan Kajian	17
1.10 Definisi Operasional	19
1.10.1 Ihsan Kendiri	19
1.10.2 Sokongan Sosial	20
1.10.3 Kesejahteraan Spiritual	21

1.10.4	Kesejahteraan Psikologi	21
1.10.5	Pendidikan Khas	22
1.10.6	Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran	22
1.11	Kerangka Konseptual	22
1.12	Batasan Kajian	24
1.13	Rumusan	25
BAB DUA-TINJAUAN LITERATUR		30
2.1	Pendahuluan	26
2.2	Program Pendidikan Khas Integrasi	26
2.3	Murid Berkeperluan Khas	27
2.3.1	Pengertian Murid Berkeperluan Khas	27
2.3.2	Konsep Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran	29
2.3.3	Kategori Murid Berkeperluan Khas Masalah Pembelajaran	32
2.3.3(a)	Disleksia	32
2.3.3(b)	Kecelaruan Hiperaktif Kurang Upaya Tumpuan	34
2.3.3(c)	Lembam	35
2.3.3(d)	<i>Autisme</i>	36
2.3.3(e)	<i>Sindrom Down</i>	38
2.3.3(f)	Terencat Akal Ringan	39
2.4	Pelbagai Peranan dan Cabaran Tugas GPKMP	41
2.5	Permasalahan yang Menjejaskan Kesejahteraan Psikologi GPKMP	50
2.6	Ihsan Kendiri	54
2.6.1	Konsep Ihsan Kendiri	54

2.6.2	Ihsan Kendiri berbeza dengan Mengasihani Diri Sendiri	57
2.6.3	Ihsan Kendiri berbeza dengan Penghargaan Kendiri	58
2.6.4	Rasional Pemilihan Pemboleh ubah Ihsan Kendiri	59
2.7	Sokongan Sosial	61
2.7.1	Konsep Sokongan Sosial	61
2.7.2	Jenis-Jenis Sokongan Sosial	62
2.7.3	Rasional Pemilihan Pemboleh ubah Sokongan Sosial	64
2.8	Kesejahteraan Spiritual	66
2.8.1	Konsep Spiritual	66
2.8.2	Konsep Spiritual dari Perspektif Islam	67
2.8.3	Konsep Kesejahteraan Spiritual	70
2.8.4	Rasional Pemilihan Pemboleh ubah Kesejahteraan Spiritual	71
2.9	Kesejahteraan	73
2.9.1	Konsep Kesejahteraan	73
2.9.2	Sejarah Kesejahteraan	75
2.10	Kesejahteraan Psikologi	75
2.10.1	Konsep Kesejahteraan Psikologi	76
2.10.2	Rasional Pemilihan Pemboleh ubah Kesejahteraan Psikologi	76
2.11	Teori-Teori yang Berkaitan	78
2.11.1	Teori Mentaliti Sosial	79
2.11.2	Teori Fungsi Produksi Sosial	81
2.11.3	Model Psikospiritual	83
2.11.4	Teori Kesejahteraan Psikologi	86

2.12	Kerangka Teoritikal	90
2.13	Sorotan Kajian-Kajian Lepas yang Berkaitan	93
2.13.1	Hubungan Ihsan Kendiri dengan Kesejahteraan Psikologi	94
2.13.2	Hubungan Sokongan Sosial dengan Kesejahteraan Psikologi	97
2.13.3	Hubungan Kesejahteraan Spiritual dengan Kesejahteraan Psikologi	100
2.13.4	Hubungan Sokongan Sosial dengan Ihsan Kendiri	102
2.13.5	Hubungan Kesejahteraan Spiritual dengan Ihsan Kendiri	103
2.13.6	Hubungan Ihsan Kendiri sebagai Pengantara terhadap Kesejahteraan Psikologi	104
2.14	Rumusan	107
BAB TIGA-METODOLOGI KAJIAN		108
3.1	Pendahuluan	108
3.2	Reka bentuk Kajian	108
3.3	Populasi dan Pensampelan Kajian	109
3.4	Justifikasi Pemilihan Sampel	112
3.5	Instrumen Kajian	114
3.5.1	Skala Ihsan Kendiri	115
3.5.2	Skala Rangkaian Sokongan Sosial	115
3.5.3	Skala Kesejahteraan Spiritual	115
3.5.4	Skala Kesejahteraan Psikologi	116
3.6	Prosedur Kajian	117
3.7	Teknik Pengumpulan Data	118
3.8	Kajian Rintis	119
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	120

3.9.1	Kesahan Muka	121
3.9.2	Kesahan Kandungan	121
3.10	Analisis Faktor	124
3.10.1	Keputusan EFA Pemboleh ubah Ihsan Kendiri	126
3.10.2	Keputusan EFA Pemboleh ubah Sokongan Sosial	129
3.10.3	Keputusan EFA Pemboleh ubah Kesejahteraan Spiritual	131
3.10.4	Keputusan EFA Pemboleh ubah Kesejahteraan Psikologi	134
3.10.5	Rumusan Keputusan EFA dan Kebolehpercayaan	137
3.11	Prosedur Penganalisan Data	138
3.11.1	Analisis Deskriptif	138
3.11.2	Analisis Inferensi: <i>Structural Equation Modeling</i> (SEM)	139
3.11.3	Analisis Inferensi: <i>Partial Least Square-Structural Equation Modeling</i> (PLS-SEM)	141
3.11.3(a)	Analisis Model Pengukuran	143
3.11.3(b)	Analisis Model Struktur	145
3.12	Rumusan	145
BAB EMPAT-DAPATAN KAJIAN		147
4.1	Pendahuluan	147
4.2	Analisis Penapisan Data	147
4.2.1	Analisis Kehilangan Data	148
4.2.2	Analisis Data Terpencil	148
4.2.3	Analisis <i>Common Method Bias</i>	149
4.3	Analisis Ujian Multivariat	150
4.3.1	Ujian Kenormalan Data	150
4.3.2	Ujian Multi <i>Collinearity</i>	152

4.3.3	Ujian Kelinearan	153
4.3.4	Ujian <i>Homoscedasity</i>	154
4.4	Analisis Deskriptif	155
4.4.1	Demografi Responden Kajian	155
4.4.2	Dapatan Kajian: Analisis Deskriptif Profil Ihsan Kendiri, Sokongan Sosial, Kesejahteraan Spiritual dan Kesejahteraan Psikologi GPKMP	159
4.5	Analisis Inferensi	163
4.5.1	Penilaian Model Pengukuran	164
4.5.1(a)	<i>Iinternal Consistency</i>	165
4.5.1(b)	<i>Convergent Validity</i>	167
4.5.1(c)	<i>Discriminant Validity</i>	171
4.5.2	Penilaian Model Struktur	177
4.5.2(a)	Penilaian <i>Collinearity</i>	178
4.5.2(b)	Pengujian Hipotesis	179
4.5.2(c)	Ujian Ketepatan Peramalan (R^2)	180
4.5.2(d)	Ujian Kerelevanan Peramalan (Q^2)	181
4.5.2(e)	Perbandingan Saiz Kesan Ketepatan Peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2)	182
4.5.3	Dapatan Kajian: Analisis Inferensi	188
4.5.3(a)	Ihsan Kendiri Faktor Peramal kepada Kesejahteraan Psikologi	188
4.5.3(b)	Sokongan Sosial Faktor Peramal kepada Kesejahteraan Psikologi	189
4.5.3(c)	Kesejahteraan Spiritual Faktor Peramal kepada Kesejahteraan Psikologi	189
4.5.3(d)	Sokongan Sosial Faktor Peramal kepada Ihsan Kendiri	190

4.5.3(e)	Kesejahteraan Spiritual Faktor Peramal kepada Ihsan Kendiri	191
4.5.3(f)	Ihsan Kendiri sebagai Pengantara terhadap Kesejahteraan Psikologi	191
4.5.3(g)	Faktor Penyumbang Utama kepada Kesejahteraan Psikologi	194
4.6	Rumusan	195
BAB LIMA-PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN		197
5.1	Pendahuluan	197
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	197
5.2.1	Profil Ihsan Kendiri, Sokongan Sosial, Kesejahteraan Spiritual dan Kesejahteraan Psikologi GPKMP	198
5.2.2	Ihsan Kendiri Faktor Peramal kepada Kesejahteraan Psikologi	200
5.2.3	Sokongan Sosial Faktor Peramal kepada Kesejahteraan Psikologi	203
5.2.4	Kesejahteraan Spiritual Faktor Peramal kepada Kesejahteraan Psikologi	206
5.2.5	Sokongan Sosial Faktor Peramal kepada Ihsan Kendiri	208
5.2.6	Kesejahteraan Spiritual Faktor Peramal kepada Ihsan Kendiri	211
5.2.7	Ihsan Kendiri sebagai Pengantara terhadap Kesejahteraan Psikologi	213
5.2.8	Faktor Penyumbang Utama kepada Kesejahteraan Psikologi	216
5.3	Implikasi Kajian	220
5.3.1	Implikasi Terhadap Teoritikal	221
5.3.2	Implikasi Terhadap Perkembangan Ilmu	223
5.3.3	Implikasi Terhadap Metodologi	225

5.3.4	Implikasi Terhadap Amalan	226
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	229
5.5	Kesimpulan	231
	SENARAI RUJUKAN	232
	LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual	28
Rajah 2.1	Komponen Ihsan Dalam Penjagaan Mentaliti	86
Rajah 2.2	Teori Fungsi Produksi Sosial	88
Rajah 2.3	Model Psikospiritual	90
Rajah 2.4	Teori Kesejahteraan Psikologi	95
Rajah 2.5	Kerangka Teoritikal	98
Rajah 4.1	Analisis Kehilangan Data	154
Rajah 4.2	Plot Sebaran Skor yang diramalkan dengan Nilai <i>Residual</i> bagi Pemboleh ubah Kesejahteraan Psikologi	160
Rajah 4.3	<i>Scatterplot Standardized Residuals Against Standardized Predicted Value</i> bagi Pemboleh ubah Kesejahteraan Psikologi	161
Rajah 4.4	Pola Kekerapan Respon Keseluruhan Pemboleh ubah	166
Rajah 4.5	Pola Kekerapan Respon Ihsan Kendiri	167
Rajah 4.6	Pola Kekerapan Respon Sokongan Sosial	168
Rajah 4.7	Pola Kekerapan Respon Kesejahteraan Spiritual	168
Rajah 4.8	Pola Kekerapan Respon Kesejahteraan Psikologi	169
Rajah 4.9	Model Pengukuran	192
Rajah 4.10	Model Struktur	193
Rajah 5.1	Model Kesejahteraan Psikologi GPKMP	221

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Kajian Tinjauan Awal	10
Jadual 3.1	Bilangan Populasi GPKMP Mengikut Negeri di Kawasan Kajian	115
Jadual 3.2	Bilangan Sampel GPKMP Mengikut Negeri di Kawasan Kajian	117
Jadual 3.3	Pecahan Jumlah GPK Mengikut Kategori MBK	119
Jadual 3.4	Pecahan Jumlah MBK Mengikut Kategori Ketidakupayaan	120
Jadual 3.5	Keterangan Skala Likert dalam Soal selidik	120
Jadual 3.6	Bilangan Minimum Sampel Kajian Rintis	126
Jadual 3.7	Maklumat Pakar Penilai Kesahan Kandungan	128
Jadual 3.8	Min Persetujuan dan Pengesahan Pakar Terhadap Item Soal Selidik	130
Jadual 3.9	Keputusan EFA Pemboleh ubah Ihsan Kendiri	134
Jadual 3.10	Keputusan EFA Pemboleh ubah Sokongan Sosial	136
Jadual 3.11	Keputusan EFA Pemboleh ubah Kesejahteraan Spiritual	139
Jadual 3.12	Keputusan EFA Pemboleh ubah Kesejahteraan Psikologi	142
Jadual 3.13	Ringkasan Keputusan EFA dan Kebolehpercayaan	144
Jadual 3.14	Ringkasan Penganalisan Data Kajian	152
Jadual 4.1	Korelasi antara Pemboleh ubah Kajian	156
Jadual 4.2	Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	157
Jadual 4.3	Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	158

Jadual 4.4	Keputusan Ujian Multi <i>Collinearity</i>	159
Jadual 4.5	Demografi Responden Kajian	164
Jadual 4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Pemboleh ubah	165
Jadual 4.7	Dapatan Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i> dan <i>Composite Reliability</i>	172
Jadual 4.8	Dapatan Ujian <i>Convergent Validity</i>	174
Jadual 4.9	Dapatan Ujian <i>Cross Loading</i>	178
Jadual 4.10	Dapatan Ujian Kriteria <i>Fornell-Larcker</i>	181
Jadual 4.11	Dapatan Ujian HTMT	182
Jadual 4.12	Dapatan Penilaian <i>Collinearity</i>	184
Jadual 4.13	Dapatan Pengujian Hipotesis	185
Jadual 4.14	Nilai Ketepatan Peramalan (R^2)	187
Jadual 4.15	Nilai Kerelevanan Peramalan (Q^2)	188
Jadual 4.16	Perbandingan Saiz Kesan Ketepatan Peramalan (f^2) dan Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan (q^2)	191
Jadual 4.17	Ringkasan Keputusan Analisis Inferensi	191
Jadual 4.18	Hubungan Kesan Langsung antara Pemboleh ubah Bebas dengan Pemboleh ubah Bersandar	197
Jadual 4.19	Hubungan Kesan Tidak Langsung antara Pemboleh ubah Bebas dengan Pemboleh ubah Bersandar	198
Jadual 4.20	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	200

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Soal Selidik
LAMPIRAN B	Kebenaran menggunakan SCS
LAMPIRAN C	Kebenaran menggunakan SSW
LAMPIRAN D	Kebenaran menggunakan SPW
LAMPIRAN E	Pengesahan Pakar terhadap Item Soal Selidik
LAMPIRAN F	Kebenaran EPRD
LAMPIRAN G	Kebenaran JPN Pulau Pinang
LAMPIRAN H	Kebenaran JPN Kedah
LAMPIRAN I	Kebenaran JPN Perlis
LAMPIRAN J	Pengesahan Pelajar USM
LAMPIRAN K	Dapatan Reliabiliti Pemboleh ubah melalui EFA
LAMPIRAN L	Dapatan Ujian Normaliti melalui Kaedah Visual

SENARAI SINGKATAN

ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BPK	Bahagian Pendidikan Khas
CB-SEM	<i>Co-Variance-Based-Structural Equation Modelling</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
f^2	Saiz Kesan Ketepatan Peramalan
GPK	Guru Pendidikan Khas
GPKMP	Guru yang mengajar Pendidikan Khas bagi kategori Masalah Pembelajaran
HTMT	<i>Heterotrait-Monotrait</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KMO	<i>Kaiser-Meyer-Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBK	Murid Berkeperluan Khas
MBKMP	Murid Berkeperluan Khas bagi Kategori Masalah Pembelajaran
MPS	Model Psikospiritual
PK	Pendidikan Khas
PLS-SEM	<i>Partial Least Square Structural Equation Modelling</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
Q^2	Kerelevanan Peramalan
q^2	Saiz Kesan Kerelevanan Peramalan

R ²	Ketepatan Peramalan
SCS	<i>Self-Compassion Scale</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SMT	<i>Social Mentality Theory</i>
SPW	<i>Scale Psychological Well-being</i>
SSNM	<i>Social Support Network Measure</i>
SSW	<i>Scale Spiritual Well-being</i>
TPW	<i>Theory Psychological Well-being</i>
TSPF	<i>Theory Social Production Function</i>
VB-SEM	<i>Variance-Based-Structural Equation Modelling</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
WHO	<i>World Health Organisation</i>

**MODEL KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI BERASASKAN IHSAN
KENDIRI, SOKONGAN SOSIAL DAN KESEJAHTERAAN SPIRITUAL
DALAM KONTEKS GURU PENDIDIKAN KHAS MASALAH
PEMBELAJARAN**

ABSTRAK

Guru Pendidikan Khas yang mengajar murid berkeperluan khas bagi kategori masalah pembelajaran (GPKMP) menghadapi pelbagai isu yang menjejaskan kesejahteraan psikologi seperti tekanan, *compassion fatigue* dan *burnout* dalam pekerjaan. Penekanan yang kurang diberikan kepada aspek kesejahteraan psikologi telah menyebabkan kesan negatif kepada GPKMP. Justeru kajian ini bertujuan membina model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Zon Utara Malaysia. Kajian dijalankan terhadap 322 GPKMP di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Teknik pensampelan pelbagai peringkat digunakan dan dijalankan melalui teknik pensampelan rawak strata mengikut kadar dan teknik pensampelan rawak mudah berkelompok. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan berdasarkan reka bentuk keratan rentas dan melibatkan empat instrumen iaitu soal selidik Ihsan Kendiri, Rangkaian Sokongan Sosial, Kesejahteraan Spiritual dan Kesejahteraan Psikologi. Kaedah analisis yang sistematik digunakan dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Penganalisan data kajian adalah menggunakan analisis deskriptif berbantuan perisian SPSS dan analisis inferensi pula menggunakan *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) berbantuan perisian *Smart PLS 3.0*. Hasil kajian mendapati ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual

mempunyai hubungan yang signifikan dan merupakan peramal kepada kesejahteraan psikologi. Selain itu, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dan peramal kepada ihsan sendiri. Seterusnya ihsan sendiri adalah pengantara dalam hubungan antara sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual terhadap kesejahteraan psikologi. Begitu juga ihsan sendiri merupakan penyumbang utama kepada kesejahteraan psikologi GPKMP. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa model yang terhasil berjaya menggambarkan fenomena kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP. Model ini diharap dapat memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan ilmu dalam bidang Pendidikan Khas terutama dari aspek profesionalisme keguruan, khususnya dalam usaha meningkatkan kesejahteraan psikologi GPKMP di Malaysia.

**PSYCHOLOGICAL WELL BEING MODEL BASED ON SELF-
COMPASSION, SOCIAL SUPPORT AND SPIRITUAL WELL-BEING IN
THE CONTEXT OF SPECIAL EDUCATION TEACHERS OF LEARNING
DISABILITIES**

ABSTRACT

Special education teachers who are teaching children with special needs in the learning disability category (SETLD) face various issues that affect their psychological well-being such as stress, compassion fatigue and burnout in their work. Less emphasis placed on psychological well-being has led to a negative impact on SETLD. Hence, this study aims to develop a psychological well-being model that is based on self-compassion, social support and spiritual well-being in the context of SETLD. These teachers are in the Malaysian Northern Zone Special Education Integration Programme. This study was carried out on 322 SETLDs in Penang, Kedah and Perlis. Multi-level sampling technique was used and implemented via rated random strata sampling technique and simple group random sampling technique. This study used quantitative approach through survey based on cross-sectional design and involved four instruments namely Self-compassion, Social Support Network, Spiritual Well-being and Psychological Well-Being questionnaires. Systematic analysis method was used in determining the validity and reliability of the questionnaire. Research data analysis used descriptive and inferential analyses. With the help of the SPSS software, descriptive analysis was done to study the profile of every variable via min score and frequency response pattern. Inferential analysis using *Partial Least Squares Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) with the help of the *Smart PLS 3.0* software was done to study

the variables as a predictor, mediator and variable factor that contributed the most to psychological well-being. Study results found that self-compassion, social support and spiritual well-being had significant relationship and are predictors of psychological well-being. Other than that, this study showed that social support and spiritual well-being had significant relationship and predictors of self-compassion. Furthermore, self-compassion is the mediator in the relationship between social support and spiritual well-being for psychological well-being. Self-compassion is also the main contributor to SETLD's psychological well-being. Implications of this study showed that the model that was formed effectively reflect the psychological well-being phenomenon of SETLDs based on self-compassion, social support and spiritual well-being. It is hoped that this model can contribute meaningfully to the development of knowledge in the field of Special Education especially in teaching professionalism, specifically in the effort to enhance Malaysian SETLDs' psychological well-being.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pendidikan Khas (PK) merupakan perkhidmatan yang diwujudkan khusus bagi memenuhi keperluan pendidikan untuk murid berkeperluan khas (MBK) seiring dengan perkembangan pesat sistem pendidikan negara. Berdasarkan pernyataan dasar Pendidikan Khas, PK bertujuan mengoptimalkan potensi murid dan memenuhi keperluan pendidikan MBK yang dikenal pasti sebagai ketidakupayaan penglihatan, pendengaran, masalah pembelajaran, pertuturan, fizikal dan ketidakupayaan pelbagai di peringkat prasekolah, rendah dan menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015b). Oleh itu, guru pendidikan khas (GPK) memainkan peranan penting dalam membentuk dan memberikan pendidikan terbaik kepada MBK.

Pada masa sama PK adalah salah satu bidang professional yang amat mencabar dan semakin rumit (Perold, Louw, & Kleynhans 2010) serta sangat kompleks (Brownell, Hirsch, & Seo, 2004; Smith, Robb, West, & Tyler, 2010). Reka bentuk pekerjaannya lebih sukar, sengit, mencabar (Hillel Lavian, 2015), menjurus kepada tekanan dan lebih berisiko untuk tidak kekal dalam profesion berbanding dengan guru biasa (Billingsley, 2004; Embich, 2001; Hinds, Jones, Gau, Forrester, & Biglan, 2015; Menlove, Games, & Salzberg, 2004). GPK berhadapan dengan banyak cabaran, jangkaan dan tuntutan yang kompleks (Stoesz, Shooshtari, Montgomery, Martin, Heinrichs, & Douglas, 2014), bekerja dengan individu yang mempunyai kekuatan dan kelemahan (Brownell et al., 2004), serta pelbagai ketidakupayaan dan

masalah tingkah laku yang mencabar semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Simonsen, Shaw, Fagella Luby, Sugai, Coyne, Rhein, & Alfano, 2010). Dalam hal ini, GPK bertanggungjawab dengan pelbagai tugas yang lebih sukar berbanding dengan guru biasa (Sledge & Pazey, 2013) bukan sahaja berkaitan dengan akademik tetapi dibebani dengan tugas-tugas klinikal dan pengurusan diri murid (Faridah Serajul Haq & Lillia Halim, 2001). Sebagai contoh, bagi murid berkeperluan khas kategori masalah pembelajaran (MBKMP) yang menghadapi masalah dari segi perkembangan kognitif dan tingkah laku, turut mengalami proses perkembangan fizikal dan melalui proses akil baligh seperti murid normal (Rashikj, 2009). Justeru, tugas GPK menjadi lebih mencabar dalam memastikan matlamat membentuk dan mempertingkatkan potensi diri MBKMP ke tahap yang optimum tercapai.

Kepelbagaian cabaran dalam profesion boleh dianggap sebagai cabaran kerjaya yang dinamik, namun tekanan emosi yang dialami memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi. Oleh itu, keperluan dari segi psikologikal patut dipenuhi untuk pembentukan jati diri yang positif dan kehidupan yang berkualiti (Asmawati Desa, Asmah Ahmad, & Zaini Sharkawi, 2009; Rohany Nasir & Fatimah Omar, 2006; Ryan & Deci, 2000; Ryff, Singer, & Love, 2004). Kekurangannya akan menjejaskan kesihatan mental dan kesejahteraan individu serta mengakibatkan gangguan psikologikal (Norba'yah Abdul Kader, 2002). Justeru GPK sangat memerlukan kepekaan emosi supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan lahir daripada perasaan (Emmer & Stough, 2001) dan ketahanan psikologi yang kuat agar boleh menghadapi pelbagai cabaran yang dimiliki oleh MBK (Razhiyah, 2005). Akhirnya hanya individu yang mempunyai ketabahan psikologi yang kuat sahaja boleh menghadapi pelbagai cabaran mendidik MBK (Aliza Alias & Mohd Mokhtar Tahar, 2007).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesejahteraan psikologi adalah satu tahap kesempurnaan dari segi fizikal, mental dan sosial sehingga tidak mendatangkan penyakit dan keuzuran dan berkait rapat dengan kesihatan mental serta perlu diberi penekanan ke arah menjadikan individu itu lebih sejahtera (World Health Organisation, WHO, 2005). Kesejahteraan psikologi seseorang yang berkerjaya akan terganggu sekiranya mengalami tekanan, *burnout*, kemurungan dan kebimbangan (Raja Kamariah Raja Mohd Khalid, 2003). Dalam hal ini, guru antara golongan professional yang tidak terkecuali mengalami masalah kesejahteraan psikologi. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kesihatan Masyarakat, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tahun 2007 hingga 2009 menunjukkan bahawa guru berada pada kedudukan keempat dalam kerjaya yang paling mencetuskan tekanan iaitu 45.8%. Manakala, laporan dari Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (2009) mendapati 70% daripada 9,000 orang guru di seluruh negara mengalami tekanan. Nor Zuraida Zainal (2009) pula menjelaskan kira-kira 10% daripada 22,000 orang guru mengalami tekanan seperti kebimbangan dan kemurungan serta berisiko empat kali ganda lebih tinggi untuk mendapat penyakit kritikal. Seterusnya, laporan yang dibentangkan di dewan rakyat pada tahun 2012 menunjukkan 530 orang guru mengalami gangguan mental dan 23.53% adalah disebabkan stres organisasi (Mohd. Puad Zarkashi, 2012). Begitu juga dengan dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan guru mengalami masalah kesejahteraan psikologi seperti tekanan kerja yang tinggi (Tajulashikin, Fazura, & Mohd Burhan, 2013), *burnout* (Amal Hayati, 2012; Rohaidah Ishak, 2015; Siti Taniza Toha, 2003) dan kemurungan (Halawiyah Safinas, 2005; Siti Taniza Toha, 2010). Seterusnya, *Health and Safety Executive* di Great Britain 2014 melaporkan

bahawa profesion keguruan mempunyai *prevalent* tahap tekanan, kebimbangan dan *distress* yang lebih tinggi pada 2009 hingga 2012 iaitu 2.3% berbanding dengan 1.2% bagi semua jenis pekerjaan. Selain itu, Kidger et al. (2016) dan Ross, Romer dan Horner (2012) mendapati guru mengalami tekanan dan gangguan mental pada tahap yang tinggi serta kesejahteraan guru berada pada tahap yang rendah.

Sehubungan itu, permasalahan yang menjejaskan kesejahteraan psikologi ini telah memberi kesan negatif bukan sahaja kepada guru tetapi juga murid. Kesukaran dan kerumitan tugas mengajar sering kali menimbulkan masalah untuk kebanyakan guru. Guru menjadi kurang cekap dalam pengajarannya (Spilt, Koomen, & Thijs, 2011; Yeo, Ang, Chong, Huan, & Quek, 2008) dan sokongan emosi guru kepada murid terjejas (Brown, Jones, LaRusso, & Aber, 2010; Sapora Sipon, 2007). Kesannya murid pula menghadapi masalah dari segi prestasi akademik, sosio emosi (Spilt et al., 2011), pembelajaran, motivasi dan pencapaian (Skaalvik & Skaalvik, 2010). Keadaan ini mengakibatkan berlaku lebih banyak konflik antara guru dengan murid (Hamre, Pianta, Downer, & Mashburn, 2008). Dalam hal ini, walaupun pencapaian murid yang lebih baik, kekal menjadi matlamat utama, namun kesejahteraan guru menjadi satu langkah yang kritikal sepanjang masa (Ross et al., 2012). Oleh itu, usaha meningkatkan kesejahteraan guru menjadi keperluan dan wajar dilakukan kerana tahap emosi guru yang positif dan tidak terlalu tertekan dapat menjamin pelaksanaan kualiti pengajaran dan pembelajaran secara optimum (Haznurah Zainon & Mohd Zuri Ghani, 2012) serta memberi implikasi yang baik kepada kejayaan sekolah (Flook, Goldberg, Pinger, Bonus, & Davidson, 2013). Hal ini selari dengan Ryff (1989) yang menjelaskan bahawa kebahagiaan merupakan hasil dari kesejahteraan psikologi dan ingin dimiliki setiap individu. Justeru,

penekanan kepada aspek psikologi positif boleh memberikan dorongan baru dalam menangani masalah kesejahteraan psikologi guru (Dick & Wagner, 2001).

Sehubungan itu, berdasarkan literatur, ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual boleh mempengaruhi kesejahteraan psikologi. Ihsan sendiri merupakan penyumbang utama kepada peningkatan prestasi dan kualiti diri guru (Jennings, 2014), membantu guru mewujudkan hubungan dengan diri dan orang lain (Neff & Beretvas, 2013) serta dapat menghadapi kesukaran dalam profesion dengan berkesan (Ying, 2009). Sementara itu, sokongan sosial pula dapat meningkatkan kesejahteraan psikologi individu (Lavasani, Borhanzadeh, Afzali, & Hejazi, 2011; Moeeni & Morovati, 2014) dan menjadi mekanisme anti-stres yang berfungsi dalam situasi individu yang tertekan. Tanpa sokongan sosial, individu akan kecewa, tiada harapan, rasa tidak berguna dan akhirnya berubah menjadi tekanan (Naig, 2010). Dalam pada itu, spiritual pula adalah faktor yang sangat penting (Seaward, 2006) malah paling utama yang perlu ditekankan untuk mencapai kesejahteraan hidup (Hasan Langgulung, 2001) Oleh itu guru yang mempunyai kesejahteraan spiritual akan dapat mengatasi perasaan bimbang dan tertekan serta berusaha menuju ke arah pengurusan kerjaya yang lebih berkesan (Buchanan, 2009). Sebagai rumusannya, penekanan kepada pemboleh ubah-pemboleh ubah ini diharap dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP agar boleh bekerja dalam struktur dan suasana pekerjaan yang lebih kondusif, selesa, gembira dan sejahtera sekali gus membantu meningkatkan profesionalisme GPKMP yang lebih lengkap secara holistik.

1.3 Kajian Tinjauan Awal

Penyelidik telah menjalankan kajian tinjauan awal (*preliminary study*) terhadap 15 orang GPKMP di enam buah sekolah PPKI di Zon Utara, Malaysia iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kajian bertujuan mengenal pasti permasalahan dan keperluan berkaitan dengan kesejahteraan psikologi dan dijalankan secara temu bual. Hasil kajian menunjukkan terdapat lima orang GPKMP mengalami kesejahteraan psikologi yang baik seperti gembira, selesa dan minat terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan. Namun, didapati 10 orang GPKMP menghadapi masalah yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi seperti tekanan, *compassion fatigue* dan *burnout* sebagaimana yang dibentangkan dalam Jadual 1.1. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor iaitu kurang sokongan dari ketua jabatan dan persepsi negatif rakan sekerja, serta diberi pelbagai tugas tambahan. Sebagai contoh, ketua jabatan menggunakan peruntukan kewangan PK untuk kepentingan sekolah dan bukannya kepada program atau aktiviti PK. Selain itu, wujud segelintir guru yang memperlekeh dan menganggap tugas GPKMP amat mudah kerana mengajar pada bilangan murid yang sedikit. Selain itu, berlakunya masalah bebanan tugas seperti diberi tugas tambahan yang tiada kaitan dengan PK seperti menjadi pengawas SPM, PT3 dan UPSR serta memegang pelbagai jawatan dalam kokurikulum. Selain itu, GPKMP turut mengalami keletihan yang melampau dan *burnout* kerana terpaksa melayan tingkah laku mencabar MBKMP yang pelbagai kategori yang berbeza seperti pelbagai karenah, kenakalan, kedegilan dan pergerakan fizikal MBKMP yang terlalu aktif. Oleh itu GPKMP memerlukan kekuatan dari segi emosi, mental dan spiritual disamping sokongan daripada ketua jabatan dan rakan sekerja agar sentiasa berada dalam kesejahteraan psikologi.

Jadual 1.1 : Kajian Tinjauan Awal

GPKMP	Temu bual Awal	Isu Kesejahteraan Psikologi
GPKMP 1	Tertekan la, kurang <i>sokongan bos</i> , asyik tumpu arus perdana. Akademik je, kami ni tak penting pun pada sekolah, tak nampak macam bagi sumbangan kat sekolah, tapi kawan ok je. Saya buat la apa pun aktiviti, dia bukannya ambik tahu, malah dia tak perasan pun, kadang-kadang tu, ye la, dia sibuk dengan arus perdana	Tertekan Sokongan
GPKMP 2	Budak ni anak syurga, jadi kene la mengajar jugak walaupun <i>letih sangat</i> dengan kerenah depe ni, ingat ni kerja, dosa, pahala, <i>Allah nampak</i> apa kita buat, walaupun budak-budak ni tak kisah pun kene buat baik, kalau saya tak nak mengajar, bagi je tengok tv, depe lagi suka tapi sebab kita ni <i>perlu jujur</i> dan <i>bertanggungjawab</i> , mengajar jugak ikut silibus jenuh terpaksa sabar dengan kerenah depe yang tak mahu belajar, banyak kali saya rasa <i>penat sangat</i> , mengajar tak tara mana tapi <i>ligan depe</i> yang <i>penat lari sana lari sini</i> , depe jemu dapat tumpu 15 minit tu, kira ok dah.	Tertekan Ihsan sendiri Spiritual Letih
GPKMP 3	<i>Banyak kerja</i> , siap laporan, mesyuarat, urus sukan kerja macam arus perdana gak tapi lagi la <i>tension</i> depe ni kan kurang upaya.kalau yang hiperaktif tu lagi la letih sangat perlu empati..kesian..dalamn cikgu kene kuat kawan-kawan ok.. <i>sokong tapi bos kurang</i> sikit, ikut mood kot <i>stres memang stres</i> tapi kerja la jugak rezeki kat sini <i>redha</i> je la.. <i>syukur</i>	Tugas tambahan Tertekan Sokongan Ihsan Kendiri
GPKMP 4	<i>Tertekan sangat</i> , kene jugak tolong urus diri, depe suka kacau orang lain, lari sana sini, walaupun umur depe ni dah banyak macam 14 tahun tapi perangai depe macam budak sekolah rendah je, kacau kawan. <i>jiwa kene kuat.tension</i> sangat, kalau ikut rasa <i>nak je berenti keje awai</i> , rasa <i>burnout</i> la jugak tapi tu yang jadi <i>letih sangat</i> rase lesu pun ada balik rumah <i>mesti letih</i> , ye la <i>sehari layan</i> perangai depe	Tertekan Burnout Letih
GPKMP 5	Hari-hari datang sekolah kene <i>betulkan niat</i> , saya <i>kene kuat</i> dari segi <i>rohani</i> , <i>ingat Tuhan</i> . kene banyak <i>sabar</i> , depe anak syurga, dengan sikap MBK semua cikgu kene buat sendiri, psikologi cikgu kene <i>kental</i> , <i>tapi letih</i> , <i>tak semangat pun ade</i> , jarang-jarang la, kalau <i>saya tertekan</i> , saya akan jadi lagi <i>tak de mood</i> , <i>nak marah pun ada</i> , <i>istigfar banyak-banyak</i> , <i>lega sekejap</i> , anak kita kat rumah pun buas gak, kan, ini kan pulak depe, ye la oku, jadi <i>sabar je</i> la, sesekali tu nak tergelak pun ada, mencuit hati la jugak, ada hari depe ni suka kalu kita buat lawak, gurau, kita pun tak tension gat.. <i>seronok</i> la jugak	Tertekan Spiritual Letih Ihsan sendiri
GPKMP 6	Saya tahu saya kene buat baik kepada MBK ni, walaupun <i>tertekan</i> ..tapi kan..macam..ibubapa suka ambik lambat, keperluan diri tak lengkap baju lusuh....bau pun..emm agak berbau busuk..kalau selesema tu..Ya Allah pening sangat..saya <i>kene sabar</i> tolong..tengok depe ni apa yang patut budak baru nak meningkat baligh depe ni tak salah apa ibu bapa ni pun satu..ada setengah tu macam buat-buat tak perasan anak depe MBK hasrat tinggi menggunung serah bulat-bulat kat cikgu <i>tension la</i> macam tu	Tertekan Ihsan sendiri

GPKMP	Temu bual Awal	Isu Kesejahteraan Psikologi
GPKMP 7	<i>Bukan tak ikhlas</i> , tapi ada hari jugak yang saya memang tak semangat nak p sekolah, ye la kami ni sikit, sesetengah cikgu tu pulak pandang remeh je kat kami, depe kata ngajar PK ni tak susah, tak payah pening macam depe, <i>sakit hati</i> , tapi <i>terpaksa cool</i> , nanti tak pasal-pasal bergaduh, stres bila cikgu lain kata kami ni relax, padahal kami jenuh terpaksa sabar dengan kerenah murid, macam-macam hal, tak tahan tu, bau depe, saya pernah terpaksa p tandas, muntah, yang perempuan tu..mai period, depe tak reti jaga, berbau tapi saya ingat ni cabaran, saya <i>redha je</i> , depe bukan nak jadi macam ni, kita layan je macam anak kita	Tertekan Ihsan sendiri Spiritual
GPKMP 8	<i>Pengetua, emm</i> , ada jugak saya tak faham, dia ok..tapi..bila hal-hal tertentu macam kewangan ke, <i>susah sikit</i> dan hal-hal akademik ni, of course dia lebih tumpu arus perdana, <i>terasa jugak</i> , saya ni tak banyak pengalaman, baru setahun lebih, kami 3 orang je cikgu, sesama kami kene sokong, nak harap kat bos, payah rasanya, dia nak jaga yang ramai nuu, arus perdana, kami sikit je, so, buat je apa yang patut...	Tertekan Sokongan
GPKMP 9	Biasanya saya <i>stres</i> bila banyak kerja lain diberikan kepada saya, macam saya kene p mesyuarat dan macam-macam lah, bos tak faham sangat, kesian budak-budak ni la, saya tak dapat nak tumpu lebih dengan depe, saya pun hairan jugak, <i>bos tak faham</i> , tapi nak buat macam mana, terpaksa akur la, dah arahan, saya ni SU peperiksaan dah lama dah, jaga SPM pun kene, ramai je GPK lain kene jaga SPM, kalau waktu cuti tu kira ok la, tapi ada jugak SPM masa tak cuti, kawan lain la yang terpaksa ganti kelas saya, saya pun penasihat bola baling sekolah, sanggup je la...	Tertekan Sokongan Tugas tambahan
GPKMP 10	Aktiviti untuk kami ni cikgu-cikgu PK tak banyak sangat, biasanya hal-hal yang berkaitan dengan kurikulum dan ko kurikulum MBK je, macam mesyuarat ke... <i>program motivasi</i> untuk kami ni <i>tak dok pun</i> , kalau adapun macam LADAP di sekolah je lah semua cikgu terlibat. GPK ni tak la glamour kat sekolah, jarang sekolah pandang kami, kata kat kami ada la, depe anggap kerja kami ni mudah, tak payah serabut kepala macam depe, tanda periksa la, bialq pi kat depe la, nak kata apa, yang penting kami buat kerja kami.	Tertekan Sokongan

Sumber : Kajian Tinjauan Awal Penyelidik

Tarikh tinjauan : Januari 2016

1.4 Penyataan Masalah

Baru-baru ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan akan menambah bilangan GPK bagi menampung keperluan dan meningkatkan kebolehcapaian untuk memberikan pendidikan terbaik kepada MBK seramai 78,310 di seluruh negara (Mahdzir Khalid, 2017). Pengumuman ini adalah satu langkah yang sangat baik dan wajar direalisasikan. Namun hakikat yang perlu difikirkan adalah berkaitan dengan isu kesejahteraan psikologi GPK. Berdasarkan sorotan literatur yang dijalankan, GPK mempunyai tahap tekanan yang lebih tinggi daripada guru biasa (Billingsley 2004; Hinds et al; 2015) dan berisiko 1.3 kali ganda mengalami gangguan psikiatri dan mental berbanding dengan guru biasa (Ervasti et al., 2012). Begitu juga dengan laporan dari *The MetLife Survey of the American Teacher* yang dikeluarkan pada tahun 2014 yang mendapati 51% GPK mengalami tekanan disebabkan mempunyai tugas dan tanggungjawab tambahan dan lebih banyak berbanding dengan guru biasa (Williams & Dikes, 2015). Hal ini selari dengan kajian tinjauan awal penyelidik yang mendapati GPKMP mengalami masalah kesejahteraan psikologi seperti tekanan, *compassion fatigue* dan *burnout* dalam pekerjaan. Dapatan ini disokong dengan kajian sebelum ini (Effa Hizda Hussein, 2001; Faridah Serajul Haq, Lillia Halim, 2001; Haznurah Zainon & Mohd Zuri Ghani, 2012; Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, & Suzana Ibrahim, 2014) yang juga menunjukkan GPKMP di negara ini mengalami tekanan dalam pekerjaan. Begitu juga dengan GPK di luar negara yang turut mengalami tekanan (Youngs, Jones, & Low, 2011), *compassion fatigue* (Davis & Palladino, 2011; Naig, 2010; Tepper & Palladino, 2007), dan *burnout* (Emery & Vandenberg, 2010; Bataineh & Alsagheer, 2012; Williams & Dikes, 2015).

Jika diperhalusi senarionya, wujud pelbagai faktor yang berbeza berkaitan kesejahteraan psikologi GPK sama ada dalam atau luar negara. Faktor persekitaran guru tidak seperti di barat. Tugas GPKMP bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran malah pelbagai tugas yang tidak menentu dan *ad hoc* perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Haznurah Zainon dan Mohd Zuri Ghani (2012) mendapati konflik dalaman merupakan faktor utama yang menyebabkan GPKMP mengalami tekanan diikuti faktor kerjasama waris, persepsi guru aliran perdana, kemudahan prasarana, kepimpinan pentadbir, mengajar tidak mengikut opsyen dan terakhirnya faktor ragam serta kerenah murid. Selain itu, harapan yang tinggi daripada ibu bapa turut menyebabkan GPKMP tertekan. Sesetengah ibu bapa menganggap anak-anak mereka seperti murid normal yang lain, tidak menerima kenyataan bahawa anak-anak mereka adalah anak kurang upaya, menyerahkan sepenuhnya peranan mendidik dan membimbing, menganggap sekolah seperti pusat jagaan kanak-kanak (*nursery*), kurang memberi kerjasama apabila diperlukan dan mengambil sikap mudah dan sambil lewa dalam menyelesaikan permasalahan anak-anak seperti dari segi pengurusan diri, akademik dan sebagainya. Sementara itu, Mohd Zuri Ghani, Aznan Che Ahmad, dan Suzana Ibrahim (2014) menjelaskan bahawa salah laku murid adalah faktor utama menyebabkan GPKMP mengalami tekanan di samping faktor-faktor lain iaitu beban kerja guru, kesukaran masa dan sumber, pengiktirafan serta hubungan interpersonal. Seterusnya Effa Hizda Hussein (2001) menjelaskan GPKMP juga terpaksa berhadapan dengan kumpulan murid yang berbeza, masalah tingkah laku yang mencabar, pelbagai tanggapan dan persepsi negatif dilemparkan oleh rakan sekerja. Pekerjaan GPKMP dianggap mudah, mengajar hanya pada bilangan murid yang sedikit dan tempoh masa jadual mengajar

yang lebih pendek berbanding dengan guru biasa. Selain itu, sikap sesetengah pentadbir memandang remeh kepada tugas GPKMP turut menjadi faktor tekanan.

Manakala situasi di barat memperlihatkan sedikit kelainan. Ross, Romer dan Horner (2012) mendapati GPK mengalami tekanan disebabkan memikul tahap kebertanggungjawaban yang lebih tinggi termasuklah perlu berhadapan dengan pelbagai kategori murid, iklim sekolah yang mencabar, sumber sosioekonomi yang lebih rendah dan pelbagai inisiatif baru yang diperlukan. Selain itu, masalah disiplin murid, keadaan kerja yang tidak menentu dan kurang mendapat sokongan (Mitchell & Arnold, 2004) juga menjadi punca guru tertekan. Hal ini selari dengan Boe (2006) yang menjelaskan bahawa tanggungjawab GPK adalah satu tugas yang kompleks, perlu berada dalam persekitaran yang mencabar, dan lebih terdedah dengan keletihan dan *burnout*. Maka pastinya kesemua ini telah menimbulkan kebimbangan yang mengganggu dan menjejaskan kesejahteraan psikologi GPK.

Ekoran daripada masalah kesejahteraan psikologi yang dialami ini, struktur pekerjaan dalam pendidikan khas telah memberikan impak yang negatif kepada profesion keguruan pendidikan khas. Antaranya menyebabkan GPK mengalami kesukaran mengajar (Kiel, Heimlich, Markowitz, Braun, & Weiß, 2016), sistem pengambilan guru yang bukan daripada bidang PK mengisi jawatan sebagai GPK (Williams & Dikes, 2015), kualiti pengajaran dan pembelajaran antara guru dan murid menjadi kurang produktif (Kiel et al., 2016), dan pencapaian MBK terjejas (Brunsting, Sreckovic, & Lane, 2014). Selain itu, kadar pengekalan GPK dalam profesion keguruan turut memberi kesan. Kajian menunjukkan dalam tempoh 15 tahun iaitu bermula dari tahun 2000 hingga 2015 (Boyer, 2000; Boe, 2006; Cancio, Albrecht, & Johns 2014; Emery & Vandenberg, 2010; Katsiyannis, Zhang, & Conroy 2003; Mitchell & Arnold, 2004) menunjukkan kadar GPK tidak kekal dalam bidang

PK semakin tinggi, sangat kronik dan membimbangkan dibandingkan dengan guru biasa (Boe, 2006; Emery & Vandenberg, 2010; Tyler & Brunner, 2014). Hal ini dibuktikan oleh Boyer (2000) yang mendapati kadar GPK tidak kekal dalam bidang PK mencapai sehingga 9.3 % berbanding 7.4 %, iaitu meningkat sehingga 20% berbanding 12% pada tahun sebelum itu (Boe, 2006). Kadar ini adalah dua kali ganda lebih tinggi (Emery & Vandenberg, 2010) berbanding dengan guru biasa dan telah menjejaskan usaha dalam memberikan pendidikan terbaik secara profesional kepada MBK (Billingsley 2004). Sehubungan itu, mengekalkan GPK yang berkecukupan mengajar MBK telah menjadi satu masalah yang sangat sukar (Williams & Dikes, 2015) disebabkan peningkatan kadar ini adalah disebabkan masalah tekanan dan *burnout* yang dialami dalam kalangan GPK (Kiel et al., 2016).

Sejajar dengan situasi ini, isu kesejahteraan psikologi GPKMP amat perlu diberi perhatian seperti dicadangkan oleh Hinds et al., (2015) yang menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran dalam PK itu adalah sangat tertekan dan boleh mengganggu kesejahteraan psikologi individu. Bertitik tolak daripada isu ini, maka adalah penting untuk mengambil tindakan bagi mengelakkan permasalahan berkaitan kesejahteraan psikologi GPKMP terus menjadi isu dalam profesion keguruan dalam bidang PK. Justeru, keprihatinan terhadap isu kesejahteraan psikologi perlu diutamakan bagi memastikan sesebuah organisasi produktif dan prestasi pekerja sentiasa meningkat dan sihat dari segi mental dan fizikal (Page & Vella Brodrick, 2009). Oleh itu, sewajarnya kajian ini menumpukan kepada aspek psikologi positif agar individu dapat berfungsi secara lebih optimum. Berdasarkan sorotan literatur, terdapatnya kajian-kajian yang mengetengahkan aspek psikologi positif seperti ihsan sendiri (Bluth & Blanton, 2014; Neff & Faso, 2015; Neff, 2004; Soysa & Wilcomb, 2015; Zessin, Dickhäuser, & Garbade, 2015), sokongan sosial

(Boyraz & Sayger 2011; Malkoc & Yalcin, 2015; Moradi & Cheraghi, 2015), dan kesejahteraan spiritual (Musa, 2015; Ramirez, Lumadue, & Wooten, 2007) terhadap kesejahteraan psikologi. Namun kajian-kajian ini dijalankan secara berasingan, kurang komprehensif dan mengaitkan dengan pemboleh ubah dan subjek yang lain dan kebanyakan berlatar belakangkan negara barat. Hasil kajian ini mungkin kurang sesuai diterima pakai sepenuhnya dalam fenomena pendidikan khas di Malaysia disebabkan perbezaan budaya antara Timur dengan Barat. Selain itu, walaupun kajian terdahulu berjaya mengembangkan ilmu namun didapati tidak menawarkan model kesejahteraan psikologi yang lebih lengkap dan holistik berasaskan ketiga-tiga pemboleh ubah ini kepada GPKMP di Malaysia. Seterusnya, kajian terdahulu sekadar mengenal pasti faktor-faktor ketidaksejahteraan psikologi dan lebih menumpukan kepada aspek psikologi negatif dan kurang dari aspek positif untuk meningkatkan kesejahteraan psikologi. Hal ini bertentangan dengan hasil kajian lepas yang menunjukkan GPK di dalam dan luar negara mengalami masalah yang menjejaskan kesejahteraan psikologi. Oleh itu penyelidik mengambil kira pandangan, panduan, saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh para penyelidik terdahulu bagi mengisi jurang kajian yang wujud ini. Antaranya McNulty dan Fincham (2011) mencadangkan agar kajian kesejahteraan psikologi ditumpukan kepada golongan berbeza dan dikaitkan dengan pelbagai faktor. Oleh itu, wajarlah kajian ini bertujuan mengenal pasti ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual sebagai faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi GPKMP.

Ihsan sendiri adalah salah satu pendekatan yang sihat untuk merawat diri sendiri (Neff, 2008) dan elemen kesejahteraan yang menunjukkan sensitiviti serta sifat penyayang guru secara profesional (Ying, 2009). Jennings (2014) menyarankan agar meneroka ihsan sendiri sebagai mekanisme pengantara bagi menghasilkan

analisis yang lebih komprehensif dan perlu sampel yang lebih besar. Seterusnya sokongan sosial dikenal pasti sebagai sumber yang membolehkan individu menghadapi tekanan, *compassion fatigue* dan *burnout* (Bataineh & Alsagheer, 2012; Davis & Palladino, 2011). Sokongan sosial dilihat dapat memainkan peranan dalam mengurangkan kesan negatif dalam pekerjaan untuk pembangunan guru di sekolah (Kinman, Wray, & Strange, 2011) dan seharusnya ditekankan sebagai usaha menyediakan keperluan kepada program intervensi membantu, membangun, melaksana, dan menilai pengesanan awal dan pencegahan *burnout* dalam kalangan GPK (Bataineh & Alsagheer, 2012). Selanjutnya, saranan menambah aspek spiritual dalam kajian kesejahteraan psikologi turut dijadikan panduan (Hasan Langgulung, 1991 & 2001; Sawatzky, Ratner, & Chiu, 2005) dan perlu diletakkan di tempat yang sewajarnya di samping aspek fizikal dan psikologi (Hasan Langgulung, 1991).

Kesimpulannya, pelaksanaan kajian ini telah mengisi jurang kajian sebelum ini yang didapati tiada model khusus tentang kesejahteraan psikologi GPKMP. Sesungguhnya kajian seumpama ini sememangnya terhad di Malaysia. Kajian ini terbukti berjaya memfokuskan aspek psikologi positif dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan GPKMP. Kegagalan memberi penekanan kepada kesejahteraan psikologi akan memberi impak negatif kepada GPKMP dan juga MBKMP. Lantaran itu, penghasilan model ini berjaya menggambarkan fenomena kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP dalam PPKI di Zon Utara Malaysia. Malah model ini menjadi satu sumbangan baru kepada profesion keguruan dalam bidang PK dan mampu dijadikan panduan dan rujukan dalam menangani masalah kesejahteraan psikologi yang wujud dalam kalangan GPKMP di Malaysia.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan membina model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP dalam PPKI di Zon Utara Malaysia.

1.6 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengkaji profil ihsan sendiri, sokongan sosial, kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
2. Mengkaji sama ada ihsan sendiri merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
3. Mengkaji sama ada sokongan sosial merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
4. Mengkaji sama ada kesejahteraan spiritual merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
5. Mengkaji sama ada sokongan sosial merupakan faktor peramal yang signifikan kepada ihsan sendiri GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
6. Mengkaji sama ada kesejahteraan spiritual merupakan faktor peramal yang signifikan kepada ihsan sendiri GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
7. Mengkaji ihsan sendiri sebagai pengantara kepada hubungan antara sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual terhadap kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.

8. Mengkaji faktor penyumbang utama kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.

1.7 Soalan Kajian

Kajian dijalankan untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah profil ihsan sendiri, sokongan sosial, kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara.
2. Adakah ihsan sendiri merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?
3. Adakah sokongan sosial merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?
4. Adakah kesejahteraan spiritual merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?
5. Adakah sokongan sosial merupakan faktor peramal yang signifikan kepada ihsan sendiri GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?
6. Adakah kesejahteraan spiritual merupakan faktor peramal yang signifikan kepada ihsan sendiri GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?
7. Adakah ihsan sendiri merupakan pengantara kepada hubungan antara sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual terhadap kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?
8. Apakah faktor penyumbang utama kepada kesejahteraan psikologi GPKMP dalam PPKI di Zon Utara?

1.8 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis alternatif (H_a) dibina berdasarkan sorotan kajian berkaitan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Hipotesis-hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H_{a1} : Ihsan sendiri merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi.

H_{a2} : Sokongan sosial merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi.

H_{a3} : Kesejahteraan spiritual merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kesejahteraan psikologi.

H_{a4} : Sokongan sosial merupakan faktor peramal yang signifikan kepada ihsan sendiri.

H_{a5} : Kesejahteraan spiritual merupakan faktor peramal yang signifikan kepada ihsan sendiri.

H_{a6} : Ihsan sendiri adalah pengantara kepada hubungan antara sokongan sosial terhadap kesejahteraan psikologi.

H_{a7} : Ihsan sendiri adalah pengantara kepada hubungan antara kesejahteraan spiritual terhadap kesejahteraan psikologi.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan membina model kesejahteraan psikologi berasaskan ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP dalam PPKI di Zon Utara Malaysia. Maklumat yang diperoleh dapat membantu

memperluas asas pengetahuan dan meningkatkan kefahaman mendalam terhadap kesejahteraan psikologi GPKMP secara lebih menyeluruh bukan sahaja dari segi fizikal dan emosi malah dari segi spiritual GPKMP. Dalam pada itu, maklumat-maklumat yang diperolehi ini dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan seperti ahli-ahli akademik dan para pelajar ke arah pemantapan pengetahuan secara ilmiah dalam usaha meningkatkan lagi profesionalisme kerjaya masing-masing.

Dalam pada itu, kajian ini merupakan satu eksplorasi terhadap pembangunan kesejahteraan psikologi GPKMP. Kekuatan kajian ini adalah dapat menyumbang kepada terhasilnya model kesejahteraan psikologi yang lebih lengkap dan holistik. Model ini boleh dijadikan rujukan kepada pihak-pihak tertentu seperti pihak sekolah, PPD, JPN, BPK dan KPM dalam usaha melaksana, membangun dan meneruskan langkah-langkah, program-program dan latihan-latihan dalam usaha meningkatkan profesionalisme kejuruan terutama dalam bidang pendidikan khas.

Selain itu, hasil kajian ini turut boleh dijadikan garis panduan kepada pihak sekolah, PPD, JPN, BPK dan KPM bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan latihan-latihan ataupun program-program pembangunan diri GPKMP yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Seterusnya dapatan kajian boleh membantu dalam menambah baik atau menilai semula bidang tugas GPKMP berasaskan kepentingan kesejahteraan psikologi GPKMP dengan lebih baik. Dalam hal ini juga pihak-pihak yang berkaitan perlu mengambil kira kepelbagaian institusi dan faktor latihan yang berbeza telah diterima oleh GPKMP sebelum ini dalam usaha memantapkan lagi pembinaan modul kurikulum pendidikan khas yang lebih berorientasikan kepada kesejahteraan psikologi GPKMP.

Malahan, kajian ini dapat memberi input baru, khususnya kepada pentadbir sekolah dan pihak pengurusan yang lain agar dapat mereka bentuk dan melaksanakan

aktiviti, latihan atau program profesionalisme keguruan berasaskan kepada kepentingan kesejahteraan psikologi bagi memastikan GPKMP dapat bekerja dalam suasana pekerjaan yang lebih sejahtera sekali gus matlamat KPM untuk meningkatkan kebolehcapaian dalam memberikan pendidikan terbaik kepada MBKMP tercapai dengan jayanya. Akhirnya, hasil kajian ini juga dapat memberi asas dan gambaran kepada para penyelidik seterusnya untuk meneroka lebih lanjut tentang kepelbagaian faktor yang boleh meningkatkan dan memantapkan lagi kesejahteraan psikologi GPKMP.

1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini menjelaskan tentang definisi secara konsep dan operasional bagi setiap istilah utama dalam kajian ini.

1.10.1 Ihsan Kendiri

Self-compassion diistilahkan sebagai ihsan sendiri yang memberi maksud sayang terhadap diri sendiri dan melayani diri sendiri dengan baik (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2016). Menurut Gilbert (2000, 2005, 2006, 2007) ihsan adalah suatu pendekatan berasaskan evolusi kepada motivasi dan kecekapan sosial. Individu yang berihsan sendiri mempunyai motivasi untuk menjaga dirinya sendiri, simpati, bertolak ansur dengan emosi yang tidak menyenangkan, berempati dan tidak menghakimi atau mengutuk diri sendiri. Pada masa sama individu yang mempunyai ihsan sendiri bukan sahaja berihsan terhadap dirinya sendiri malah juga orang lain dan mengambil pengalaman secara ihsan daripada orang lain terutama semasa

menghadapi kesusahan. Pandangan lain pula menyatakan bahawa ihsan sendiri adalah kasih sayang yang ditunjukkan terhadap diri sendiri untuk mengurangkan kemurungan dan bertujuan memberi kebaikan kepada kehidupan (Leary, Tate, Adams, Allen, & Hancock, 2007). Walau bagaimanapun dalam konteks kajian ini penyelidik menggunakan definisi yang diutarakan oleh Neff (2003) iaitu ihsan sendiri adalah sikap diri sendiri terhadap emosi yang positif ke arah mencapai diri yang sihat. Oleh itu *Self-Compassion Scale (SCS)* (Neff, 2003b) digunakan bagi mengukur ihsan sendiri GPKMP dalam kajian ini.

1.10.2 Sokongan Sosial

Taylor (2007) mendefinisikan sokongan sosial sebagai kesejahteraan yang diperoleh oleh seseorang individu daripada persekitarannya dan akan mengakibatkan ketenangan dari segi emosi dan mental. Manakala Sarafino (2008) menjelaskan bahawa individu yang mendapat sokongan sosial digambarkan individu berkenaan mendapat kasih sayang dan penghargaan daripada orang yang berada dalam persekitarannya. Namun sokongan sosial dalam kajian ini menjurus kepada sokongan jangka pendek dan panjang yang boleh didapati oleh guru melalui perhubungan sosialnya dengan ketua jabatan dan rakan sekerja. *Social Network Measure*, House (1981) yang diadaptasi oleh Zubaidah Amin (1999) digunakan bagi mengukur sokongan sosial GPKMP dalam kajian ini.

1.10.3 Kesejahteraan Spiritual

Kesejahteraan spiritual didefinisikan sebagai satu bentuk perasaan yang mendatangkan kesenangan, kepuasan, ketenangan, dan keselamatan di dalam diri merangkumi elemen kepercayaan, agama, dan *existential* (Mcclain, Rosenfeld, & Breitbart, 2003; Edmondson et al.,2008). Sementara Sperry (2012) pula menyatakan bahawa kesejahteraan spiritual merujuk kepada kualiti unsur dalaman individu dan ketenangan yang diperoleh melalui kepercayaan dan perhubungan dengan Tuhan, agama serta kehidupan. Namun dalam kajian ini kesejahteraan spiritual melibatkan dua perspektif iaitu agama dan psikologi sosial. Perspektif agama merujuk kepada rasa kesejahteraan berhubung dengan Tuhan dan perspektif psikologi sosial pula merujuk kepada tujuan dan kepuasan hidup terhadap diri, orang lain dan persekitaran. *Scale of Spiritual Well-Being* (SSW) (Paloutzian & Ellison, 1982) digunakan bagi mengukur kesejahteraan spiritual GPKMP dalam kajian ini.

1.10.4 Kesejahteraan Psikologi

Mengikut Krause dan Ellison (2003) kesejahteraan psikologi merujuk kepada pengampunan dari Tuhan, kemaafan dari orang lain dan kesihatan dalaman individu untuk berasa bahagia dan mendatangkan ketenangan atau sebaliknya. Seterusnya Rathi dan Rastogi (2007) pula menjelaskan kesejahteraan psikologi bergantung kepada cara individu menstabilkan diri sendiri dan mengekalkan kesihatan dalaman dan luaran. Kehidupan individu akan berasa bermakna apabila mempunyai kualiti hubungan dengan keluarga, dapat menstabilkan tahap tekanan dalam diri, memperoleh jaminan kesihatan fizikal dan psikologi serta wujud hubungan yang baik

sesama rakan. Walau bagaimanapun kesejahteraan psikologi dalam konteks kajian ini digambarkan sebagai kualiti hidup individu termasuklah memperoleh kebahagiaan, keamanan, rasa dipenuhi, mendapat kepuasan hidup dan tidak ada gejala-gejala kemurungan (Ryff, 1989). Penyelidik menggunakan *Scales of Psychological Well-being* (SPW) bagi mengukur kesejahteraan psikologi GPKMP.

1.10.5 Pendidikan Khas

Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) pada peringkat pendidikan rendah dan menengah dalam kategori MBK yang bermasalah pembelajaran (MBKMP) (Bahagian Pendidikan Khas, KPM, 2015).

1.10.6 Guru Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Guru Pendidikan Khas yang mengajar murid berkeperluan khas bagi kategori masalah pembelajaran (GPKMP) seperti murid yang mempunyai masalah disleksia, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), *slow learner*, *autisme* minimum, *sindrom down*, dan terencat akal ringan (Bahagian Pendidikan Khas, KPM, 2015) dalam PPKI di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis sahaja.


1.11 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual yang dikemukakan adalah kerangka yang digunakan bagi menjelaskan pemboleh ubah yang dikaji. Terminologi kerangka konsep untuk kajian

ini merujuk kepada konsep-konsep yang dihubungkan dan digabungkan bersama kerana mempunyai fokus yang sama atau relevan dengan fenomena yang dikaji (Gray, 2004). Berpandukan kepada kajian lepas dan objektif kajian, kerangka konseptual kajian ini dihasilkan bertujuan memfokuskan hala tuju kajian ke arah pencapaian setiap objektif kajian.

Dalam kajian ini, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual bertindak sebagai pemboleh ubah bebas. Ihsan sendiri bertindak sebagai pengantara dan berfungsi dalam menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar (Hayes, Preacher, & Myers, 2011). Oleh itu, model pengantara menghipotesiskan bahawa pemboleh ubah bebas mengakibatkan pemboleh ubah pengantara dan memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar.

Berasaskan kepada ihsan sendiri, Neff (2003) telah mengetengahkan tiga dimensi utama iaitu baik hati terhadap diri sendiri berlawanan dengan menghakimi diri sendiri, kesedaran terhadap sifat manusia berlawanan dengan pengasingan diri dan *mindfulness* berlawanan dengan reaksi keterlaluan. Sementara itu, sokongan sosial terdiri daripada dua punca sokongan iaitu sokongan daripada ketua jabatan dan rakan sekerja (Zubaidah Amin, 1999). Seterusnya kesejahteraan spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982) terdiri daripada dua dimensi iaitu kesejahteraan beragama dan kewujudan. Pemboleh ubah yang terakhir adalah kesejahteraan psikologi Ryff (1989) yang berfungsi sebagai pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah ini terdiri daripada enam dimensi iaitu autonomi, menguasai persekitaran, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain, matlamat hidup dan penerimaan sendiri. Oleh itu, Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual yang menjelaskan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini.



Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual

1.12 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan kekangan yang dihadapi bagi sesebuah kajian. Oleh itu, kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan kajian seperti berikut;

1. Kajian ini melibatkan GPKMP dalam PPKI di Zon Utara Malaysia iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis sahaja. Oleh itu hasil kajian ini hanya berfokus kepada situasi populasi, pandangan, pemikiran dan penilaian GPKMP yang terlibat dengan kajian ini sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan untuk semua populasi GPKMP di seluruh Malaysia. Skop kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi GPKMP.
2. Fokus kajian hanya melibatkan empat pemboleh ubah sahaja iaitu ihsan sendiri, sokongan sosial, kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi.

Oleh itu pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji adalah terbatas kepada perspektif GPKMP yang terlibat iaitu berasaskan instrumen yang dijawab oleh kumpulan tersebut.

3. Pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan berdasarkan reka bentuk keratan rentas digunakan dalam kajian ini. Soal selidik diedarkan untuk tujuan mengumpul data. Oleh itu jawapan kepada soalan kajian yang dikemukakan hanya berdasarkan dapatan kajian yang berbentuk empirikal sahaja.
4. Penyelidik melaporkan hasil kajian berdasarkan objektif dan hipotesis yang telah dibentuk bagi setiap pemboleh ubah sebagai satu konsep keseluruhan dan tidak membincangkan secara sub dimensi seperti mana yang terdapat di dalam setiap pemboleh ubah asal yang dikaji.

1.13 Rumusan

Isu dan permasalahan yang menjejaskan kesejahteraan psikologi GPKMP mampu diseimbangkan sekiranya fokus kepada faktor-faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi diberi tumpuan dalam kajian ini. Justeru kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor peramal kepada kesejahteraan psikologi iaitu ihsan sendiri, sokongan sosial dan kesejahteraan spiritual dalam konteks GPKMP dalam PPKI di Zon Utara Malaysia.